

PM: Elak kerenah birokrasi halang pembangunan

Oleh ROSNI HASSAN

MELAKA 20 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan semua pihak supaya tidak menjadikan kerenah birokrasi sebagai halangan dalam menjayakan pelbagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Tegas Perdana Menteri, sebolehnya kerenah birokrasi dielakkan dalam memastikan kelancaran semua projek rancangan lima tahun itu dan pada masa yang sama pemantauan berterusan dilakukan terhadap perkembangan projek-projek itu.

"Betullah tu, memang baik, itulah yang kita mahu pun," katanya ketika ditanya mengenai saranan beberapa pihak supaya pemantauan berterusan dan kerenah birokrasi dikurangkan dalam memastikan kelancaran projek-projek di bawah RMK-9.


Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Kelas Bimbingan Sijil Pelajaran Malaysia dan Tabung Bangunan Yayasan GPMS Kebangsaan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan beberapa penganalisis ekonomi meminta kerajaan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah RMK-9 secara lebih serius bagi memastikan kesemuanya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Mereka berpendapat, pemantauan rapi secara berterusan tidak akan membuka ruang kepada kontraktor bersikap sambil lewa atau 'lepas tangan' terhadap projek-projek yang dikesan bermasalah.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri sendiri sebelum ini menggesa semua kementerian dan agensi supaya melaksanakan setiap projek yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dengan segera bagi membolehkan ia siap mengikut tempoh yang ditetapkan.

Justeru, Abdullah meminta supaya projek berkenaan sentiasa dipantau bagi memastikan ia dilaksanakan dengan baik



ABDULLAH Ahmad Badawi beramah-mesra dengan sebahagian pelajar sekolah pada Majlis Pelancaran Kelas Bimbingan Sijil Pelajaran Malaysia dan Tabung Bangunan Yayasan GPMS Kebangsaan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Melaka, semalam.

kerana beliau tidak mahu apabila RMK-9 dilaksanakan, masa yang banyak diambil untuk menyelesaikan projek RMK-8.

"Ia mesti dilaksanakan dan tak boleh dilengahkan, oleh itu penting bagi setiap unit memastikan projek itu berjalan dengan baik dan pelaksanaannya dihabiskan.

"Saya harap tiada projek yang tergendala, jadi tugas dan tanggungjawab kita untuk pastikan semuanya berjalan dengan baik," katanya.

Perdana Menteri turut membangkitkan keperluan agensi-agensi kerajaan segera memperbaiki dan memper-

Saya harap tiada projek tergendala, jadi tugas dan tanggungjawab kita untuk pastikan semuanya berjalan dengan baik

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

kemaskan prosedur lapuk.

Abdullah juga sebelum ini menyatakan harapannya agar RMK-9 yang akan dibentangkan beliau di Parlimen, April ini dapat menjadikan Malaysia sebuah negara lebih maju bagi memberikan kehidupan yang lebih baik kepada rakyat.

Justeru, Perdana Menteri meminta setiap lapisan rakyat memberi sumbangan masing-masing ke arah menjayakan RMK-9 dan ia boleh dibuat dalam pelbagai bentuk bagi memastikan perpaduan kaum di negara ini sentiasa dipupuk dan dipelihara.

UM-21/2/2006